



**KONGRES BELIA KEBANGSAAN 2019**  
**16 – 17 JUN 2019**  
**PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS**

**RESOLUSI BELIA**

**1.0 PENGENALAN**

1.1 Kami, 240 orang belia Negara Brunei Darussalam, telah menghadiri Kongres Belia Kebangsaan yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 16hb dan 17hb Jun 2019.

1.2 Mendukung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12 pada 1hb Ogos 2017 iaitu:

*“Ke arah belia berkualiti, tidak syak lagi, adalah satu pelaburan. Ia memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan, yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran di kalangan belia.”*

1.3 Mengenalpasti peranan belia dalam pembangunan negara.

1.4 Mengiktiraf kepentingan ‘A Whole of Nation Approach’ dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

1.5 Menghargai peranan agensi-agensi berkepentingan seperti sektor kerajaan, sektor swasta, sektor pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO), dan seumpamanya yang sedang dan telah menjalankan inisiatif masing-masing dalam memberi sumbangan kepada pembangunan belia seperti menyediakan platform sewajarnya dalam menyampaikan suara belia dan menggalakkan belia lebih berdaya saing.

Tiga sektor utama berkaitan dengan pembangunan belia telah dikenalpasti melalui “Youth Development Index 2018” dan juga Bengkel Persediaan Kongres Belia Kebangsaan (Pre-Kongres) yang telah diadakan pada 5hb Mei 2019 iaitu:

- I. Belia Siaga Masa Depan (*Future Ready Youth*)
- II. Penglibatan Belia (*Youth Participation*)
- III. Keusahawanan (*Entrepreneurship*)

Peserta bengkel Kongres Belia Kebangsaan 2019 mencadangkan pihak yang berkepentingan termasuklah sektor **Kerajaan**, sektor **Swasta** dan **para belia** sendiri untuk:

## **2.1 BELIA SIAGA MASA DEPAN (*FUTURE READY YOUTH*)**

- 2.1.1 Menerapkan kefahaman tentang Wawasan Brunei 2035 pada setiap individu dan lapisan masyarakat agar menguatkan penglibatan belia untuk menyumbang kepada pencapaian kejayaan wawasan.
- 2.1.2 Mengenal pasti rangka kerja bagi menilai impak sumbangan para belia terhadap masyarakat dan Wawasan Brunei 2035 yang dilaksanakan oleh badan-badan yang berkenaan di samping mengukur tahap kesediaan para belia.
- 2.1.3 Mengemaskinikan intisari pendidikan dari masa ke semasa dengan menerapkan kemahiran profesional yang diperlukan selaras dengan perkembangan industri.
- 2.1.4 Menerapkan kemahiran hidup (*life skills*) seperti etika sosial (*social etiquette*), kecerdasan emosi (*emotional intelligence*), kemahiran insaniah (*soft skills*), kemahiran interpersonal (*interpersonal skills*), pemikiran kritikal (*critical thinking*) dan celik kewangan (*financial literacy*) berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja di setiap peringkat pendidikan dan institusi.
- 2.1.5 Membudayakan, memperkasa dan memudahkan konsep pembelajaran sepanjang hayat (*Life-Long Learning*) di setiap peringkat pendidikan dan profesional sebagai paksi kepada pembentukan belia yang menyeluruh dan cenderung kepada pembangunan insan yang berkemahiran seperti kemahiran kreatif, teknologi maklumat dan sebagainya.
- 2.1.6 Meningkatkan sokongan, kesedaran dan penerimaan dalam menangani isu kesihatan mental dan fizikal secara khusus, dan menjaga kesejahteraan individu secara am.
- 2.1.7 Memperkasa semangat berdaya saing secara sihat, memupuk kualiti berkebolehsuaian dan meningkatkan sifat berdaya tahan di kalangan belia demi memastikan kecemerlangan negara.
- 2.1.8 Menerapkan dan mempertahankan nilai-nilai utama keBruneian di kalangan belia dan mempromosikan nilai-nilai tersebut ke arena antarabangsa.
- 2.1.9 Memperkukuhkan kerjasama bersama belia melalui perundingan di setiap peringkat seperti di kampung-kampung, mukim-mukim dan juga negara dalam memberikan peluang serta suara kepada golongan belia untuk terlibat sama dalam mana-mana penilaian dan keputusan.
- 2.1.10 Menangani prejudis terhadap wanita dengan mempraktikkan budaya saling hormat-menghormati, memperkasa penglibatan wanita dalam pelbagai bidang dan mempertahankan hak-hak wanita di dalam masyarakat.

- 2.1.11 Meningkatkan kesedaran, mengukuhkan dan mempertahankan hak kanak-kanak, orang kelainan upaya dan golongan minoriti di dalam penglibatan aktiviti, menyuarakan pandangan dan mendapat peluang yang sama rata (*equal opportunities*).
- 2.1.12 Menguatkan program-program bagi mempersiapkan para belia masa kini untuk menangani krisis iklim (*climate emergency*) melalui kehidupan lestari (*sustainable lifestyle*).

## **2.2 PENGLIBATAN BELIA (YOUTH PARTICIPATION)**

- 2.2.1 Mewujudkan mekanisme bagi merekod, menilai dan memberikan penghargaan bagi penglibatan belia yang aktif, sebagai contoh subjek aktiviti kemasyarakatan, kelayakan bagi menamatkan pengajian dan juga sebagai penilaian prestasi bagi kenaikan pangkat dengan syarat-syarat tertentu.
- 2.2.2 Mewujudkan Dana Belia yang dipantau oleh pihak kerajaan dan Majlis Belia Brunei bagi memberi sokongan kepada projek-projek yang dijalankan oleh belia dan untuk para belia.
- 2.2.3 Mewujudkan dasar dalam meningkatkan peluang dan memberikan sokongan sepenuhnya serta memberikan keutamaan kepada para belia dari sektor kerajaan dan swasta untuk melibatkan diri secara langsung dalam mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui jaringan profesional seperti 'Young Executive Programme'.
- 2.2.4 Menggalakkan penglibatan belia yang tidak berpersatuan dengan mengenalpasti kemahiran mereka sama ada dari segi kesenian, sukan dan sebagainya yang dapat disalurkan melalui platform yang bersesuaian seperti acara kebesaran.
- 2.2.5 Meningkatkan kemudahan dan akses kepada infrastruktur dan prasarana yang mencukupi dan moden untuk kegiatan, aktiviti dan program bagi menarik minat belia dengan memanfaatkan tempat/bangunan yang sedia ada dan memajukan sistem pengangkutan awam bagi memperbanyakkan peluang untuk para belia menjadi lebih pro-aktif.
- 2.2.6 Meningkatkan kapasiti dan mengukuhkan fungsi Majlis Belia Brunei sebagai rujukan utama dalam membekalkan maklumat dan garispandu bagi menggerakkan persatuan atau kumpulan di peringkat sekolah, kampung, mukim dan amnya di samping memberikan latihan yang berorientasikan kepada pembentukan dan pengukuhan kapasiti, kemampuan, dan daya kepimpinan belia dalam persatuan bagi penyediaan generasi penerus/pelapis dalam pentadbiran persatuan. Selaku pentadbir pergerakan belia, Majlis Belia Brunei juga harus berperanan untuk meningkatkan kerjasama di antara pihak Kerajaan dengan organisasi belia dalam menjayakan program-program berskala nasional.

- 2.2.7 Memastikan penglibatan belia dalam penggubalan dasar dan penyediaan pelan strategik di setiap kementerian agar para belia turut serta dalam membentuk dan melaksanakan dasar negara. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) hendaklah dikenal pasti bagi menilai impak penglibatan belia dalam menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035.
- 2.2.8 Menggubal dasar dan peraturan yang sedia ada yang berkaitan dengan pendaftaran pertubuhan bagi kemudahan penglibatan belia dan pemberiagan mengenai proses pendaftaran kumpulan belia untuk dilaksanakan dengan lebih efisien dan telus.
- 2.2.9 Memastikan perlantikan dan penglibatan belia dalam Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan dan melantik belia bagi memegang jawatan yang berkepentingan dalam jentera Kerajaan seperti Timbalan Setiausaha Tetap ke atas dan di dalam platform lain seperti Lembaga, Majlis, dan Jawatankuasa Tertinggi Kebangsaan.

### **2.3 KEUSAHAWANAN (*ENTREPRENEURSHIP*)**

- 2.3.1 Meningkatkan skop dan laluan pendidikan merangkumi aspek meluas seperti pendedahan praktikal kepada keusahawanan, perniagaan dan kewangan, kemahiran insaniah (*soft-skills*) dan inovasi dari pelbagai peringkat untuk memupuk kesedaran dan membina kemahiran keusahawanan dan keupayaan terhadap inovasi dari usia muda. Para pendidik harus dilengkapkan dengan kemahiran yang meluas dan praktikal sesuai dengan keperluan negara dan Revolusi Industri ke-4.
- 2.3.2 Mempelbagaikan usaha dan dorongan terhadap pengusaha-pengusaha yang mempunyai syarikat-syarikat dan perusahaan yang sedia ada untuk berkembang lebih maju melalui program-program bermanfaat seperti mentorship, pembangunan kapasiti perniagaan dan forum perbincangan perniagaan serta memperluaskan akses ke rangkaian melalui kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan badan-badan perniagaan di dalam dan di luar negara. Pihak kerajaan jua perlu memperkukuhkan panduan, pendedahan dan peluang eksport melalui mempelbagaikan peluang lawatan perdagangan, penyertaan di dalam pameran antarabangsa dan kemudahan rangkaian untuk memperkuat persediaan (*readiness*) pengusaha-pengusaha untuk berniaga merentasi sempadan secara lestari.
- 2.3.3 Menubuhkan mekanisma mengiktiraf usahawan-usahawan yang dikenal pasti cemerlang dalam bidang masing-masing untuk diberi anugerah usahawan cemerlang agar dapat menjadi '*role model*' bagi usahawan-usahawan yang lain sebagai galakan dan cabaran untuk mencapai kecemerlangan.
- 2.3.4 Mengukuhkan ekosistem perniagaan agar menjadi lebih '*youth friendly*' yang merangkumi pelbagai aspek termasuk dasar yang dinamik, pasaran yang meluas, tenaga manusia yang berkemampuan, sokongan yang mampan, melahirkan budaya

mengambil risiko dan menawarkan pelbagai peluang pembiayaan selain daripada inisiatif yang sediaada. Agensi-agensi kerajaan juga digalakkan untuk mengadakan *dialog* secara kerap bersama usahawan-usahawan dari pelbagai sektor, peringkat perniagaan dan umur sebagai langkah proaktif dalam menerima maklum balas mengenai dasar-dasar perniagaan dan proses sebagai langkah penambahbaikan yang berterusan, disusuli dengan tindakan yang sesuai dan pemantauan yang aktif.

- 2.3.5 Memberikan tumpuan dan galakan terhadap pembinaan keupayaan inovasi melalui konsep sandbox sepertimana yang digunakan dalam industri 'fintech' (*finance & technology*) bagi mewujudkan platform *trial and error* yang selamat bagi pengusaha untuk menguji cuba idea, program, produk dan perkhidmatan dalam persekitaran yang kondusif untuk membantu menangani risiko kesalahan teknikal melalui pembelajaran *agile best practices*.
- 2.3.6 Mencipta dasar dan rangka kerja inovasi yang kondusif untuk mewujudkan peluang bagi peniaga-peniaga muda untuk membina keupayaan untuk bersaing serta mempersiapkan diri untuk Revolusi Perindustrian ke-4 dalam menyokong kerajaan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 melalui penubuhan Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada para usahawan, akademik, pembuat dasar dan pihak berkepentingan lain. Sistem pelaporan atau maklum balas yang tepat untuk memastikan pelaksanaan dan keberkesanananya dasar.
- 2.3.7 Menggalakkan para usahawan-usahawan muda untuk menyertai kumpulan-kumpulan atau komuniti keusahawanan sebagai mekanisme *peer-to-peer learning* dan sistem sokongan yang dapat membantu memperkukuhkan budaya dan membina *mindset* yang positif dan berdaya tahan terhadap keusahawanan merangkumi pelbagai pihak berkepentingan serta masyarakat seperti memperkenalkan persatuan-persatuan perniagaan yang aktif di Brunei.

### **3.0 PENUTUP**

- 3.1 Kami, para peserta Kongres Belia Kebangsaan 2019 bersetuju akan kepentingan memperkasa dan menyediakan prasarana yang sesuai bagi para belia, termasuklah ilmu, kemahiran dan sikap yang positif bagi menangani gejala sosial dan isu semasa.
- 3.2 Kongres Belia Kebangsaan haruslah diadakan secara tetap (setiap tiga tahun) bagi membolehkan pemantauan dan tindakan susulan dibuat terhadap cadangan yang diberikan oleh para belia.
- 3.3 Kerjasama di antara semua pihak, iaitu 'A Whole of Nation Approach', amatlah diperlukan dalam memastikan para belia dapat menyumbang kepada pembangunan negara dan mencapai Wawasan Brunei 2035.